

NUS perkenal kurikulum baru mengenai cara bantu keluarga memerlukan urus wang

► **FARAH REZAL**
rfarah@sph.com.sg



DR FAISHAL:
Pekerja sosial memainkan peranan penting dalam menyokong dan membangkitkan semangat individu dan keluarga berpendapatan rendah.

INSTITUT Next Age (NAI) di Universiti Nasional Singapura (NUS) dengan kerjasama Universiti Washington di St. Louis, Amerika Syarikat, akan merintis pembangunan kurikulum baru bagi membina keupayaan kewangan dan pembangunan aset dalam sektor pendidikan kerja sosial di Singapura.

Pekerja sosial akan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran membantu keluarga berpendapatan rendah menguruskan hal kewangan rumah mereka dengan lebih baik.

NUS membuat pengumuman itu di

satu majlis semalam yang diadakan di bangunan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, NUS.

Ia dihadiri Setiausaha Parlimen (Pendidikan merangkap Pembangunan Sosial dan Keluarga), Profesor Madya Dr Faishal Ibrahim.

Beliau berkata bahawa landskap kewangan hari ini adalah kompleks dengan pelbagai institusi menyediakan bantuan kewangan dan justeru keluarga berpendapatan rendah memerlukan bimbingan.

“Adalah satu cabaran bagi keluarga tersebut mahu membezakan jenis perkhidmatan kewangan dan produk yang mereka benar-benar perlukan.

“Di sinilah pekerja sosial memainkan peranan penting dalam menyokong dan membangkitkan semangat individu dan keluarga berpendapatan rendah.

“Pekerja sosial boleh melakukannya dengan membincangkan isu perancangan kewangan ketika berinteraksi dengan individu atau keluarga berkenaan,” katanya.

Dr Faishal percaya bahawa dalam jangka panjang, langkah itu akan turut membantu keluarga yang memerlukan merealisasikan aspirasi mereka.

Citi Foundation di bawah Citigroup akan menyumbang sekitar \$180,000 kepada pembangunan kurikulum tersebut.

Pengarah Bersama NAI, Profesor Madya Corinne Ghoh, berkata:

“Kurikulum ini akan memberikan pekerja sosial dan kerja sosial fokus baru dalam membantu keluarga berpendapatan rendah menguruskan hal kewangan dalam rumah mereka dan mendapatkan khidmat yang diperlukan.

“Dengan menyepadukan pengetahuan membina keupayaan kewangan dan amalan profesional, pekerja sosial akan diperkasa untuk membimbing dan menyokong keluarga berpendapatan rendah agar mereka dapat membuat keputusan yang baik.

“Keputusan itu pula akan meningkatkan potensi keluarga itu membuat perubahan positif kepada keadaan keluarga mereka.”